



Tarikh: 29/06/2001 bersamaan 07 Rabiulakhir 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 02

*A*pabila ayahanda dan bonda menghantar anak-anak mereka menuntut di universiti sebagai mahasiswa, mereka mahu supaya anak-anak kesayangan menuntut ilmu setinggi-tingginya. Mereka mahu anak-anak keluar daripada universiti dengan pencapaian yang cemerlang supaya dapat menjadi manusia yang berguna, yang mampu berdiri di atas kaki peribadi sendiri.

Semasa di Universiti, mereka tidak mahu anak-anak terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang tidak membawa faedah, apakah lagi dalam kegiatan yang memudaratkan diri. Ayahanda dan bonda mahu anak-

anak keluar daripada universiti nanti dengan gah, supaya dapat memasuki dunia yang nyata sebagai orang dewasa yang penuh ilmu lalu mampu membawa kemajuan.

■ ■ ■ SELAMAT BELAJAR DAN SELAMAT BERFIKIR ■ ■ ■

KONSEP AL-FALAH DALAM ISLAM

*S*aidina Umar Al-Khattab r.a. semasa menjadi Khalifah telah ditanya, mengapa beliau tidak mengambil kekayaan negara sepetimana yang dilakukan oleh maharaja Rom dan Parsi sedangkan ketika itu kerajaan Islam berada dalam kemewahan dan penuh dengan kegemilangan manakala beliau pula hidup dalam keadaan yang serba sederhana. Beliau menjawab: "Rasulullah s.a.w. dan Abu Bakar As-Siddiq r.a. telah berjaya sampai ke matlamatnya sedangkan aku belum tentu." Ini menunjukkan bahawa Saidina Umar Al-Khattab r.a. ingin menggambarkan bahawa kejayaan bagi seseorang itu akan ditentukan setelah ia meninggal dunia. Dengan kata lain, setiap manusia sewajarnya meninggalkan jasa yang direndai Allah ketika hayatnya di dunia dan bukannya bala yang dilaknat Allah.

Maksud Al-Falah diambil dari istilah Arab yang bermaksud "kejayaan, kemenangan, kebahagian dan kecemerlangan." Ia adalah nilai positif yang sewajarnya dimiliki dan dihayati oleh setiap umat Islam sepanjang hayat mereka. Kejayaan itu pula adalah nilai yang penuh dengan keberkatan dan keredaan

Allah Ta'alaa.

Satu perkara yang jarang sekali umat Islam kini menghayati dan mengamalkannya ialah hakikat bahawa antara kalimah paling awal didengar oleh setiap Muslim yang baru lahir ialah seruan menuju kejayaan. Di negara kita Malaysia, kelahiran anak-anak jarang

Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

KAMI ANAK SESIAPA

*Kamilah anak tani
anak nelayan
anak tentera
anak sesiapa
bersumpah menuntut ilmu
di menara gading*

*Dewasa nanti
Kamilah pengukir taman pelangi
pencarta lautan
pengangkat martabat
pelindung negara*

Hashim Yaacob
26/06/2001

disambut dengan seruan ke arah kejayaan, sebaliknya didedahkan dengan suasana yang tidak begitu membina. Malah sesetengah ibu bapa tidak cuba memahami, kenapa anak-anak yang lahir itu perlu diberi perkhabaran awal

bersambung di muka surat 2

tentang kejayaan seawal dia melihat dunia ini. Ibu bapa kini sewajarnya memahami maksud yang cukup mendalam daripada sabda Junjungan Besar Nabi Muhammad s.a.w: "Setiap anak kecil itu dilahirkan dalam keadaan yang suci. Ibu bapanya lah yang bertanggungjawab untuk menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi." Apa yang disabdakan oleh Rasulullah itu bukan sekadar kenyataan biasa, sebaliknya satu tanggungjawab yang akan dipersoalkan oleh Allah di akhirat kelak.

Dalam suasana aman di negara kini, kita dapat mendengar seruan muazin dengan kalimah Al-Falah sebanyak 10 kali setiap hari. Berapa pula jumlahnya untuk seruan dalam sebulan? Namun ramai yang mendengar dan menerima sekadar panggilan untuk menunaikan sembahyang. Azan yang dilaungkan setiap hari dari rumah Allah (masjid) telah diterima dengan maksud yang sempit oleh kebanyakkan umat Islam di negara kita. Ini adalah satu kesilapan yang perlukan diperbetulkan dan proses ini memerlukan kekuatan yang bukan sedikit untuk mereka yang ingin berjuang di jalan Allah.

Ukuran Al-Falah yang hakiki ialah istiqamah (konsisten) dan iltizam kita dalam semua perkara demi keredaan Allah. Ini kerana, dalam Islam, ganjaran dinilai atas kesungguhan usaha yang dilakukan, bukan pada natijahnya. Sekiranya natijah sahaja dinilai untuk mengukur kejayaan, maka umat Islam selamanya akan tertinggal. Peristiwa Perjanjian Hudaibiyyah yang berlaku pada tahun keenam

Hijrah adalah satu model penting dalam memahami erti kejayaan yang sebenar. Peristiwa ini memerlukan umat Islam meneliti kesungguhan usaha dan kebijaksanaan Rasulullah dan bukannya natijah yang diukur secara penilaian kasar. Sedangkan para Sahabat Rasulullah boleh terkeliru pada peringkat awalnya dengan langkah yang diambil oleh Rasulullah; inikan pula umat Islam kini yang jauh berbeza penghayatan ilmunya berbanding Sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. (*Kisah Perjanjian Hudaibiyyah akan dipaparkan pada keluaran-keluaran akan datang*).

Dalam Al-Quran, terdapat beberapa istilah lain selain Al-Falah bagi menjelaskan maksud "kejayaan" seperti *muflihun*, *fath*, *faizun* dan lain-lain. Dalam ayat tersebut, penegasan kejayaan itu diukur dalam pelbagai ruang. Antaranya:

- a) iman dan takwa kepada Allah.
(surah Al-Baqarah: ayat 2-5)
- b) pengorbanan dan perjuangan di jalan Allah demi mencapai keampunan-Nya
(surah As-Saff: ayat 10 - 13)
- c) mencapai syurga tertinggi iaitu Al-Firdaus
(surah Al-Hajj: ayat 77)
- d) dapat membersihkan diri yang batin daripada sifat-sifat keji dan tercela
(surah Al-A'ala: ayat 14; dan surah Asy-Syams: ayat 9)
- e) menjadi umat contoh
(surah 'Ali Imran: ayat 10)

Dalam memahami maksud kejayaan, ia dapat dipecahkan kepada dua kategori iaitu:

- i) Kejayaan yang dekat
(Fathun Qarib)
contoh: kejayaan dan keme-

nangan yang dapat dilihat hasilnya di dunia ini yang berkait dengan amanah Allah padanya seperti kejayaan seorang pelajar dalam pelajarannya; kejayaan ibu bapa membesarakan anak-anak dan memberi didikan dunia dan akhirat dengan baik dan sebagainya.

- ii) Kejayaan yang jauh
(Fathun Ba'id)

contoh: kejayaan mendapat keampunan Allah dan seterusnya di tempatkan di dalam syurga Allah Ta'alaa.

Kejayaan yang dekat dapat dilihat dan dikehapi oleh umat Islam dan boleh disaksikan oleh manusia yang lain; manakala kejayaan yang jauh tidak dapat dilihat, dikehapi atau disaksikan oleh manusia semasa hidup di dunia. Namun ciri-ciri orang yang bakal mendapat kejayaan yang jauh dapat dilihat sejak mereka hidup di dunia lagi. Antara ciri-ciri jelas orang yang mendapat Al-Falah telah digambarkan melalui firman Allah Ta'alaa di dalam surah Al-Mukminun, ayat 1 - 11.

Sejarah juga telah membuktikan bahawa kejayaan yang dimiliki oleh umat Islam di dunia ini mampu rosak atau runtuh. Peristiwa kejatuhan kerajaan Abbasiyah di tangan Mongol, kejatuhan kerajaan Islam Sepanyol di tangan Kristian dan kejatuhan kerajaan Melayu Melaka di tangan Portugis adalah antara catatan sejarah yang banyak meninggalkan pengajaran yang sepatutnya diambil iktibar. Keruntuhan tersebut adalah berpunca daripada runtuh dan rosaknya akhlak umat Islam dari kalangan orang kebanyakkan ketika itu.

Untuk itu, sifat sentiasa bersyukur dengan anugerah Allah perlu sentiasa dipupuk di dalam jiwa umat Islam kini. Malah penilaian terhadap perkembangan, kejayaan dan kekurangan diri perlu sentiasa dilakukan bersandarkan tuntutan dan keredaan Allah. Ini sesuai dengan ungkapan Saidina Umar Al-Khattab r.a.: "Hisablah diri kamu sebelum kamu dihisabkan."

Konsep al-Falah dan kebajikan itu dapat kita perhatikan lagi dari

puisi kemanusiaan, karya Allahyarham Tok Kenali seperti berikut:

Tiada hari bagi kita
jika kita tidak bergerak pada hari ini
cubalah anakku tilik cerah matahari
kelebihan orang yang telah dapat kemenangan
kerana amalan yang kebajikan
dan pandanglah kelam orang yang jatuh
kerana amalan kejahatan
di situlah pengasuh bertimpus membedak
dengan bedak harapan
mudah-mudahan subur sekelian
dengan darah dan daging
yang boleh menghidmatkan tanahair
dan menunjukkan kepada raja.

Wallahu 'Alam.

oleh: Mohd Fakhrulrazi Ibrahim

Wise Words

Coming together is
a beginning; keeping
together is progress,
working together is
success.

Henry Ford

Sumbangan:
Puan Rohani Ramly

PESANAN MUAZ BIN JABAL

M

"**E**lajarilah ilmu pengetahuan, sebab mempelajarinya kerana Allah adalah tanda takut kepada-Nya. Menuntut adalah ibadat menelaahnya adalah tasbih, mencarinya adalah jihad, mengajarnya kepada orang yang belum mengetahui adalah sedekah, memberikannya kepada ahlinya adalah kebaktian. Dialah kawan dalam masa kesepian dan teman pada masa kesunyian. Dialah penunjuk jalan kepada agama dan pendorong kesabaran pada masa kepayahan dan kesempitan. Allah mengangkat setengah kaum kerana ilmu pengetahuannya, maka dijadikannya pemimpin, penghulu dan penunjuk jalan kebaikan yang diikuti oleh orang ramai. Orang yang berilmu pengetahuan juga menjadi model utama dalam amalan kebajikan, dicontohi segala jejak langkahnya dan dituruti segala kelakuannya. Dengan ilmu pengetahuan seseorang hamba itu akan sampai ke peringkat orang-orang terpuji ketaatannya dan tertinggi kedudukannya. Memikirkan perihal ilmu pengetahuan setanding pahalanya dengan berpuasa dan menelaahnya setanding pahalanya dengan bangun beribadat di tengah malam. Dengan ilmu pengetahuanlah manusia mentaati Allah Azzawajalla. Memperhambakan diri kepada-Nya, mengesakan-Nya, dan membesarakan-Nya. Dengan ilmu pengetahuan juga manusia boleh mencapai darjat kewarakaran dan dengannya pula manusia akan menyambung silaturrahim. Dengan ilmu pengetahuan juga, ia akan mengenal yang halal dan yang haram. Ilmu pengetahuan itu diumpamakan sebagai pembimbing, manakala amalan pula menjadi pengikutnya. Berbahagialah orang yang menerima ilham dari ilmu pengetahuan dan celakalah orang yang terhalang dari ilmu pengetahuan"

Kenali Warga HEP

Beliau berkelulusan dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan jawatan hakiki ialah di Jabatan Kejuruteraan Kimia, Fakulti Kejuruteraan. Bertanggungjawab menuju dan mengendalikan Unit Latihan Industri Pelajar di Bahagian Hal Ehwal Pelajar sejak tahun 1997.

Bidang penyelidikan beliau adalah dalam aspek pencegahan dan pengurusan pencemaran alam sekitar dan proses membran. Salah satu kemuncak pengalaman penyelidikan beliau ialah ekspedisi saintifik ke Scotts Base, Antartika pada tahun 1999.

Beliau meletakkan harapan agar pelajar meningkatkan 'marketability' diri serta pengalaman melalui program latihan profesional semasa cuti semester khas. Beliau mengalu-alukan penglibatan pelajar di Unit Latihan Industri Pelajar (ULIP) dan bersedia membantu mereka mencapai cita-cita yang diharapkan.

Pemimpin Persatuan Pelajar

Persatuan Mahasiswa Perlis (PEWARIS)

Persatuan Mahasiswa Perlis (PEWARIS) telah ditubuhkan sekitar tahun 80-an oleh pelajar-pelajar negeri Perlis. Di awal penubuhannya, persatuan ini lebih dikenali sebagai PERMALIS dan akronim ini telah ditukar pada tahun 1998. Penaung persatuan ialah YAB Menteri Besar Perlis dan kini ahli persatuan yang berdaftar adalah seramai 130 orang. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM), Gerai Konvo, Majlis Makan Malam PEWARIS, Sambutan Hari Kebesaran Islam dan sebagainya. Bagi sesi 2001/2002, PEWARIS dianggotai seramai 32 orang exco. Tema bagi sesi ini ialah "Perpaduan Pemangkin Kecemerlangan".

Presiden: Muhammad Hafeez bin Abu Seman berasal dari Kampung Guar Syed Alwi, Kangar Perlis, telah dilahirkan pada 24 September 1979. Beliau merupakan Presiden Persatuan Mahasiswa Perlis Universiti Malaya (PEWARIS). Kini beliau menetap di Kolej Kediaman Tun Syed Zahiruddin atau lebih dikenali sebagai Kolej Kediaman Kesembilan. Beliau merupakan mahasiswa tahap akhir, Fakulti Sastera dan Sains Sosial di Jabatan Pengajian Islam.



Prof. Madya Dr. Nik Meriam
Nik Sulaiman



Muhammad Hafeez
Abu Seman

Dairi HEP

30 Jun & 1 Julai 2001

- Simposium Penegasan Arah Tuju Idealisme Mahasiswa di Alaf Baru di Dewan Tunku Canselor.

Makluman

Penulisan:

- Pihak HEP mengalu-alukan sebarang penulisan yang membina dari kalangan kakitangan Universiti Malaya dan Mahasiswa untuk dimuatkan di dalam Bicara HEP.

Iklan:

- Persatuan-persatuan pelajar dan kolej kediaman yang berminat untuk mengiklankan kegiatan persatuan atau kolej kediaman boleh menghantar maklumat secara bertulis/disket ke alamat:

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Blok E, Kompleks Perdanasiswa
Universiti Malaya.

Untuk perhatian:
Encik Mohd Fakhruлazi atau
Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob
Timbalan Naib Canselor (HEP)

Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly
Encik Mohd Fakhruлazi Ibrahim
Encik Abdul Razak Halifa
Encik Azim Aziz
Encik Mohd Na'aim Muhd Noh